

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 NOVEMBER 2016

1MDB terlalu dipolitikkan orang tertentu - Najib

WM - 16/11/2016

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) telah terlalu dipolitikkan dan pihak tertentu dalam Malaysia cuba mengeksploitasinya untuk kepentingan politik peribadi mereka.

Katanya, mereka ini yang telah 'menyalurkan kepada pihak berkuasa asing maklumat yang adakalanya salah atau tidak lengkap.'

"Mereka yang berada di luar Malaysia adakalanya tidak mudah untuk memahami kerumitan isu ini, dan ia suatu yang mereka harus ingat supaya tidak terjebak dalam perkara ini yang kini merupakan isu politik dalaman negara," kata Najib dalam interviu bertulis dengan *Nikkei Asian Review* (NAR) sempena lawatan kerja tiga hari beliau ke Jepun mulai hari ini.

Lawatan itu adalah atas jemputan rakan sejawatannya, Shinzo Abe.

Najib berkata, pihak berkuasa Malaysia yang sebenarnya telah memulakan penyiasatan dalam isu 1MDB dan beliau sendiri yang terlebih dahulu mengarahkan pelbagai pihak untuk menjalankan siasatan.

Najib diminta mengulas tentang tindakan kerajaan asing menyalurkan dakwaan mengenai penyelewengan dana berkaitan 1MDB dan sama ada beliau menganggapnya sebagai suatu campur tangan serta sama ada Malaysia akan membuka semula siasatannya.

Perdana Menteri berkata, beliau telah berulang kali menegaskan bahawa kerjasama penuh perlu diberi terhadap mana-mana siasatan, dengan syarat ia tidak bercanggah dengan undang-undang Malaysia.

"Malah, seperti yang sering saya tegaskan, sekiranya terbukti berlaku sebarang salah laku, undang-undang akan diambil tanpa sebarang pengecualian," katanya.

Mengenai pendirian Malaysia berhubung keputusan The Hague berkaitan tuntutan maritim oleh China, Najib berkata, Malaysia sentiasa berpendapat dan menyuarakan pendiriannya bahawa semua tuntutan di Laut China Selatan perlulah berasaskan dan

Waktu Solat		MBSB			
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya					
5.40	6.58	1.01	4.23	6.58	8.11
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya					
5.48	7.06	1.06	4.27	7.01	8.14
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya					
5.34	6.54	12.55	4.17	6.53	8.06
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya					
5.29	6.49	12.52	4.14	6.52	8.05
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya					
5.04	6.24	12.27	3.49	6.27	7.40

diselesaikan mengikut undang-undang antarabangsa.

"Kami percaya semua pihak perlu menghormati proses diplomatik dan undang-undang serta menyelesaikan sebarang pertikaian dan perselisihan pendapat secara aman melalui rundingan," katanya.

Mengenai sama ada proses berasaskan konsensus yang menjadi amalan ASEAN perlu ditukar kepada keputusan berasaskan majoriti bagi mempercepatkan proses membuat keputusan, Najib berkata, ia adalah sesuatu yang unik serta mengikut cara ASEAN dan oleh itu, perlu dikekalkan.

"Segala yang dicapai ASEAN selama ini adalah hasil daripada usaha secara bersama dalam kalangan 10 negara anggotanya. Ternyata, cara membuat keputusan melalui konsensus ini amat memberi manfaat kepada komuniti itu - dalam politik, sosial dan budaya - dan oleh demikian, perlu terus dipelihara."

Mengenai lawatannya ke Jepun, Najib berkata, beliau dan Abe akan membincangkan perkara dua hala dan isu kepentingan serantau serta antarabangsa.

Beliau juga akan mengadakan pertemuan dengan para menteri yang bertanggungjawab bagi pelbagai jabatan, termasuk tanah, infrastruktur, pengangkutan dan pelancongan serta komuniti peniaga. -BERNAMA